



KENYATAAN AKHBAR MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

BELANJAWAN 2024 : TUMPUAN KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan yang telah memberikan keutamaan kepada sektor kesihatan dalam Belanjawan 2024 bagi memastikan kesejahteraan Malaysia Madani secara inklusif dan holistik. Ini terbukti apabila KKM merupakan Kementerian yang menerima peningkatan terbesar di kalangan Kementerian.

1. RINGKASAN ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN KKM TAHUN 2024

- Berdasarkan pengumuman Belanjawan 2024, Kementerian Kesihatan telah diperuntukkan sebanyak **RM41.22 bilion** dengan pecahan sebanyak **RM35.15 bilion** untuk Perbelanjaan Mengurus dan **RM6.07 billion** untuk Perbelanjaan Pembangunan. Peruntukan ini merupakan peningkatan sebanyak **RM4.89 bilion** atau 13.45% berbanding peruntukan tahun 2023 berjumlah **RM36.33 bilion**.
- Jika dibandingkan dengan keseluruhan Belanjawan Kerajaan Persekutuan 2024 yang berjumlah **RM393.80 bilion**, peruntukan yang disediakan kepada KKM ini adalah sebanyak **10.47%**. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan komited terhadap usaha meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan rakyat melalui perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lebih baik, saksama, mampan, berdaya tahan dan responsif. Jumlah peruntukan yang besar ini merupakan suatu pelaburan oleh Kerajaan Perpaduan yang cakna dan prihatin

terhadap keperluan kesihatan rakyat yang baik seterusnya boleh menyumbang kepada peningkatan produktiviti pekerja demi pemerikasaan ekonomi negara.

- Selaras dengan Kertas Putih Kesihatan, Belanjawan 2024 ini adalah permulaan yang amat positif ke arah peningkatan belanjawan sektor kesihatan kepada **5%** daripada KDNK.

2. INTIPATI PENGUMUMAN BELANJAWAN 2024 BAGI SEKTOR KESIHATAN

- Secara amnya, belanjawan kesihatan 2024 memfokuskan kepada:
 - (a) Meningkatkan akses perkhidmatan kesihatan melalui kerjasama awam-swasta;
 - (b) Pendigitalan sistem kesihatan;
 - (c) Pembudayaan gaya hidup sihat dan pencegahan awal penyakit;
 - (d) Mempertingkatkan kemudahan infrastruktur kesihatan; dan
 - (e) Pemantapan tenaga kerja kesihatan.

3. MENINGKATKAN AKSES PERKHIDMATAN KESIHATAN MELALUI KERJASAMA AWAM-SWASTA

- **Skim Perubatan MADANI**

KKM akan meneruskan pelaksanaan Skim Perubatan MADANI (SPM) melibatkan pengamal perubatan swasta ke seluruh negara bagi meningkatkan akses penjagaan kesihatan primer bagi penyakit akut, terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah yang telah dimulakan pada bulan Jun 2023 dengan peruntukan tambahan sebanyak **RM100 juta**. Peruntukan ini dijangka memanfaatkan **700 ribu rakyat**. Setakat 11 Oktober 2023, **1,849** klinik kesihatan swasta telah didaftarkan di seluruh negara yang telah memberikan

perkhidmatan dengan pembiayaan di bawah SPM kepada **146,092** isi rumah.

- **Penyumberluaran Pesakit dari Hospital KKM ke Hospital Swasta**

Bagi mengurangkan isu kesesakan di hospital Kerajaan, di samping melanjutkan waktu operasi termasuk pada hari kelepasan mingguan dan am di klinik-klinik kesihatan tertentu, KKM akan memperluaskan pelaksanaan penyumberluaran pesakit bagi perkhidmatan tertentu yang kritikal ke hospital swasta dengan peruntukan sebanyak **RM200 juta**. Penyumberluaran pesakit ke hospital swasta ini melibatkan pelbagai perkhidmatan perubatan yang merangkumi perkhidmatan pembedahan, bukan pembedahan dan pengimejan diagnostik. Keputusan ini merupakan kelangsungan kepada inisiatif Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) dalam mengurangkan kesesakan pesakit di hospital KKM.

4. PENDIGITALAN SISTEM KESIHATAN

Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan disokong dengan teknologi semasa, sebanyak **RM150 juta** diperuntukkan untuk **menyenggara sistem teknologi maklumat** di bawah KKM termasuk menyediakan ***Clinic Management System Subscription (CCMS)*** di **100 klinik kesihatan termasuk klinik desa dan komuniti**. Rekod digital amat penting bagi mewujudkan capaian data pesakit dengan pantas dan boleh dikongsi dengan semua prasarana kesihatan Kerajaan sekaligus melancarkan proses kerja pekerja barisan hadapan KKM di samping memendekkan tempoh waktu menunggu bagi mendapatkan rawatan.

5. PEMBUDAYAAN GAYA HIDUP SIHAT DAN PENCEGAHAN AWAL PENYAKIT

Bagi melindungi rakyat supaya kekal afdal, perkhidmatan kesihatan hendaklah beralih daripada merawat pesakit kepada memperhebat aktiviti pencegahan penyakit dan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) dengan peruntukan sekurang-kurangnya **RM130 juta** yang turut merangkumi:

- (i) Program Saringan Kanser Serviks kepada wanita sebagai intervensi serta rawatan awal bagi prakanser;
- (ii) Program saringan talasemia kepada remaja di tingkatan 4 berusia 16 tahun agar generasi pewaris dapat dilindungi;
- (iii) Program pengesanan awal masalah pendengaran dan penyakit jantung kongenital di kalangan bayi baru lahir supaya pra-diagnosis dapat diberikan bagi mengelakkan komplikasi penyakit; dan
- (iv) Pemberian vaksin batuk kokol secara percuma kepada semua wanita hamil bagi melindungi bayi dalam kandungan dari jangkitan penyakit tersebut bagi enam bulan pertama kelahiran.

6. MEMPERTINGKAT KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR KESIHATAN

- **Menaik Taraf dan Membaik Pulih Fasiliti Daif**

KKM akan sentiasa memastikan semua fasiliti KKM dapat berfungsi dengan baik, selamat untuk digunakan serta memberi keselesaan kepada kakitangan dan pesakit serta pelawat yang menggunakan fasiliti-fasiliti tersebut. Bagi tujuan tersebut, KKM telah diluluskan peruntukan sebanyak **RM300 juta** bagi membaik pulih dan menaik taraf **400 klinik daif** di seluruh negara.

- **Pertambahan Peralatan Perubatan dan Ambulan**

Bagi menggantikan peralatan dan peranti perubatan yang usang dan lama serta *beyond economic repair*, KKM akan mempelopori pendekatan yang lebih kos efektif dan memastikan penyelenggaraan pada tahap yang optima. Sehubungan dengan itu, peruntukan sebanyak **RM766 juta** bagi pelaksanaan **perolehan peralatan perubatan dan ambulan termasuk secara sewa guna** akan membolehkan KKM memberikan respons yang lebih cepat terhadap panggilan kecemasan yang diterima dan meningkatkan kapasiti perkhidmatan hospital.

- **Projek Pembangunan Fasiliti Baharu**

Di bawah Peruntukan Pembangunan, sebanyak **RM6.07 bilion** telah diluluskan, iaitu kenaikan sebanyak **RM1.24 bilion (25.69%)** berbanding tahun 2023. Peruntukan ini merangkumi projek pembangunan fizikal fasiliti kesihatan, termasuk membina hospital dan klinik baharu serta menaik taraf, mengubah suai dan membaik pulih fasiliti kesihatan sedia ada.

Sebagai langkah mengatasi kesesakan di hospital, di bawah RP4, RMKe-12 juga, beberapa projek telah diluluskan termasuk Hospital Sultanah Aminah 2 di Johor Bahru dan Blok Patologi Tambahan di Hospital Raja Perempuan Zainab II. Selain itu, lima buah klinik kesihatan baharu antaranya di Rantau, Negeri Sembilan; Kuala Tahan, Jerantut, Pahang; Kuala Jengal, Dungun, Terengganu dan Pulau Mantanani, Kota Belud, Sabah juga akan dibina.

KKM turut mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang telah menghargai sumbangan penjawat awam melalui Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam sebanyak **RM2,000** kepada semua penjawat awam gred 56 dan ke bawah termasuk lantikan kontrak dan **RM1,000** kepada semua Jawatan Utama Sektor Awam melibatkan semua termasuk polis, bomba, tentera, angkatan bersenjata dan seluruh anggota beruniform.

Semua inisiatif yang telah diluluskan dalam Belanjawan 2024 ini akan dilaksanakan oleh KKM dengan segera bagi memastikan manfaatnya dapat dinikmati oleh rakyat selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA
13 OKTOBER 2023

TAMAT